

# Belia tak pernah bertanding rebut juara silat

*PENCAK SILAT* - 8 SEP 1982

AHAMPIR lima tahun beliau bergiat dalam seni silat dan tidak pernah pula menyertai pertandingan silat tempatan hinggalah pada bulan lalu bila beliau berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan *Festival dan Invitasi International Pencak Silat* yang berlangsung di Jakarta, dan berjaya.

Beliau yang mengangap hampir nazak bila berdepan dengan juara 1 Indonesia pada tahun lalu, telah berjaya mendapat pingat emas atau dikenali sebagai Juara 1 dalam Kelas G Putra, dalam festival itu.

## Percubaan

Iskandar Muda Abdul Jalil bin Rais, 20 tahun, pemuda yang dimaksudkan itu telah mewakili Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dalam pertandingan tersebut. Beliau ialah anggota Gabungan Seni Tari Kolot Perguruan Silat Panca Sakti Singapura (Gastapes) di bawah kelolaan Pertapis.

Beliau mengangap kejayaannya yang pertama kali dalam percubaannya menyertai pertandingan seperti itu adalah di luar dugaan.

"Saya tidak pernah menyertai pertandingan di Singapura, kerana kebanyakannya untuk lightweight sedangkan saya termasuk dalam golongan heavyweight.

"Oleh itu, bila mendapat tahu tentang pertandingan di Indonesia itu, saya ingin mencuba kerana selama ini saya hanya menjadi pesilat dan kemudiam penolong instruktur."

Dalam peringkat akhir, tambahnya beliau telah berdepan dengan Kadek Sudana, seorang pesilat yang pernah menjadi juara di Indonesia.

"Saya hampir nazak bila berjaya hingga di peringkat akhir dan berdepan pula dengan seorang pesilat yang lebih berpengalaman.

"Tetapi, saya cuba mempelajari kelemahan lawan dan mengalihkan perhatiannya, seperti cuba memesongkan pukulannya supaya tidak tepat."

Encik Iskandar menyatakan bahawa pertandingan itu lebih menitikberatkan soal teknik, tendang dan tumbuk seseorang pesilat.

Di peringkat saringan beliau telah berdepan dengan pesilat dari Jerman Barat iaitu Encik Dieter Rajik dan separuh akhir pula dengan Encik Iman-syah I. Gope dari Indonesia.

- 8 SEP 1982  
Beliau mempelajari silat dari Pak Mokti Asnapi, yang mengajar beliau bila beliau mula-mula menjadi anggota Gastapes, dan kemudian sering menerima tunjuk ajar dari Pak Rifaie Sahib, guru silat dari Persaudaraan Pencak Silat Indonesia Panca Sakti yang sering melawat Singapura.

Menyentuh tentang kegiatannya di bidang seni silat, Encik Iskandar menyatakan seni ini adalah warisan nenek moyang yang perlu diambil berat oleh pemuda-pemudi kita.